

Buletin

edisi 1/2014



# MDPH

*Keriangin Alam Semulajadi*

## SISIPAN MENARIK

APC 2014

Pesta Songkran Pengkalan Hulu

Ahli Majlis 2014-2016

Anggota Bersara 2013

Program Mahabbah Aidilfitri MMS PH

Kursus Jati Diri RPS Air Banun

Pengkalan Hulu Jom Sihat

MDPH di Terengganu



# MAJLIS ANGKAT SUMPAH Ahli Majlis MDPH 2014

Dirasmikan Oleh :  
YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
Ahli Parlimen Gerik

## Senarai Nama Ahli Majlis 2014-2016

TUAN HJ AHMAD SHUKRI B ISMAIL, AMP, PJK  
TUAN HJ ABUL MANAS B ABD WAHAB, PJK  
ENCK DZULKIFLI BIN HASSAN SHAARI, PJK  
ENCK ZULHAKMI BIN MOHD ZABIDI  
PUAN RAJA FATIMAHWATI BT SYED NGALAM ALWIL, PJK  
ENCK KANNESAN A/L K KRISHNAN, PPN, AMP, PPT, PPA  
ENCK MOHD ARIFIN BIN ABDUL MUTALIB  
SUPT. KAWAL ROSLI SKYMMAR B ABD WAHAB SKYMMAR  
ENCK MOHYEE WARDI BIN HASSAN  
PUAN ZAHIDAH BT MOHAMED ZAHRI  
ENCK SOM BOON A/L SOM KIAN  
PUAN ROSNANI BT TUNGGAL  
ENCK TEN NGA NGA, AMP, PPT  
ENCK ANDY NG KAR HUI  
ENCK OOI KOH LIANG  
PUAN WON SIN YONG



## UPACARA PECAH TANAH RPT BUKIT BULUH

Pelancaran Projek Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Bukit Buluh Oleh Dato Saraani Bin Mohamad, Pengerusi Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Pada 21 Februari 2014.

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



**HARLIZA BINTI HARUN**  
JAB. KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA



**MOHAMMAD ZAMZAMI B REDZUAN**  
JAB. PERBENDAHARAAN



**MOHAMAD TAJUDDIN B. AWANG EMBONG**  
JAB. PERANCANG & LANSKAP



**MOHD AZIZUDIN B ISMAIL**  
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)



**NOR HAFIFAH BINTI JUSOH**  
JAB. PERBENDAHARAAN



Bersamaan dengan 21 Feb 2014 telah berlangsung Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota-Anggota MDPH yang dirasmikan oleh YB. Dato' Saarani Bin Mohamad (Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Luar Bandar, Pembasmian Kemiskinan Perladangan serta Kerajaan Tempatan)

# MDPH DI TERENGGANU



Hari Keluarga Majlis Daerah Pengkalan Hulu bagi tahun 2014 telah berlangsung pada 7 & 8 Jun 2014 di Terengganu selama 2 hari 1 malam. Peserta terdiri daripada 30 orang. Batu Buruk Beach Resort merupakan destinasi pilihan untuk sambutan Hari Keluarga Majlis Daerah Pengkalan Hulu.



## KURSUS JATI DIRI BINA SEMANGAT

**TARIKH : 10 MEI- 12 MEI 2014**  
**TEMPAT : TASIK BANDING, PERAK**  
**PESERTA : 25 ORANG WARGA MDPH**

**DIRASMIKAN OLEH :**  
**EN MOHD SHAH NIZAM BIN**  
**ABDUL AZIZ ( SETIAUSAHA MDPH )**





## PESTA SONGKRAN PENGKALAN HULU

Pesta Songkran merupakan Hari Perayaan Masyarakat Siam yang disambut besar-besaran di Kampung Tasek , Pengkalan Hulu. Pesta Songkran di Pengkalan Hulu akan disambut setiap tahun iaitu jatuh pada pada 11 hingga 13 bulan April (mengikut kalendar Thai).

Antara aktiviti yang diadakan pada hari pertama iaitu 11hb Adalah Pertandingan suara Burung, Konsert daripada artis jemputan dari Thailand "Kumpulan Nyim R-siam".

Manakala hari kedua pula , iaitu 12hb saringan Pertandingan Ratu Songkran diadakan. Seramai 10-20 peserta dari seluruh negeri iaitu Kedah, Perak, Perlis dan ia juga mengalu-alukan peserta lain selain daripada kaum siam melibatkan diri dalam pertandingan ratu songkran. Hanya 7 peserta yang terpilih untuk pusingan terakhir.

Pada 13hb, pemilihan ratu songkran peringkat Negeri Perak diadakan. Hanya seorang ratu songkran akan dipilih .



## MAHABBAH AIDILFITRI MMS PH

Kembara Mahabbah Aidilfitri telah diadakan pada 23-24 Julai 2014 bersamaan hari Rabu dan Khamis. Tujuan Program ini diadakan untuk memberi sumbangan hamper semperna Aidilfitri kepada rumah-rumah anak Yatim dan miskin serta pemberian Zakat kepada golongan asnaf yang terdapat di Pengkalan Hulu.



Seramai 30 orang telah dikenalpasti daripada golongan asnaf untuk menerima bantuan Zakat sempena bulan Ramadhan dan pemberian hamper kepada tiga buah rumah anak Yatim di Pengkalan Hulu. Selain itu, golongan miskin dari kaum lain di sekitar Pengkalan Hulu turut akan diberi sumbangan bagi Tahun 2014 ini.

Objektif Program ini diadakan adalah untuk mengeratkan lagi ukhwah antara ahli MMS, warga MDPH dan Masyarakat. Seterusnya, dapat meringankan beban anak-anak Yatim dan golongan asnaf. Selain itu, dapat menyelami isu dan masalah yang dialami oleh anak-anak Yatim dan golongan asnaf.

*"Semoga Syawal Memberi Sinar Seribu Satu Rahmat Kepada Semua".*



## " PENGKALAN HULU JOM SIHAT ".

Program ini dijalankan pada 24 Mei 2014 bersamaan dengan hari Sabtu, telah berlangsungnya program gotong royong perdana taman tasik takong dan sukan perpaduan Majlis Masyarakat Sivil (MMS) Pengkalan Hulu yang bertemakan "PENGKALAN HULU JOM SIHAT".

Majlis ini dirasmikan oleh YB Dato' Hasbullah Bin Osman, Ahli perlimen Gerik. Antara aktiviti yang dijalankan adalah senamrobik, pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan gubahan dan masakan, aktiviti gotong royong serta upacara penanaman Pokok Bucida Moulinet di keliling Tasek Takong.

# Majlis Perasmian **Aktiviti Air** di Tasek Takong



Tasek Takong merupakan pusat tumpuan aktiviti riadah di Pengkalan Hulu. MDPH dengan kerjasama D'Kroh Watersport merasakan kawasan ini berpotensi besar dengan pelbagai aktiviti seperti berkayak, paddle boat dan sebagainya. Yang Dipertua MDPH Tn Mohd Syukri B Azaari bersama dengan beberapa Ahli Majlis iaitu Tn.Hj Shukri , Tn Hj Abdul Manas dan Pn Rajafatimahwati dengan Meluangkan masa bersama dalam menjayakan program ini.

Majlis pelancaran ini, diadakan pada 06 Februari 2014 bertempat di Restoran Terapung, Tasek takong yang dirasmikan oleh YB. Hj Aznel Ibrahim ( ADUN Pengkalan Hulu)



## Lawatan Kerja Majlis Daerah Kampar

Seramai 14 anggota MDPH telah membuat lawatan Kerja ke MD Kampar bersamaan dengan 23hb-24hb Mac 2014 mengenai Lawatan ke Gua Tempurung dan Pengurusan Rumah Rehat di MD Kampar.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah peserta diberi taklimat ringkas Pembangunan Gua Tempurung Dan Pengurusan Rumah Rehat Majlis Daerah Kampar. Gua Tempurung menjadi destinasi Lawatan oleh anggota Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

## Lawatan Kerja **Majlis Daerah Kerian**

**TARIKH : 31 MAC 2014 BERSAMAAN HARI ISNIN**  
**MASA : 10:30 PAGI**  
**TEMPAT : MAJLIS DAERAH KERIAN**



# Sekalung Penghargaan dan Jutaan Terima Kasih Jasamu Dikenang



Pn Arisom BT Salleh telah bersara pada 1 Januari 2014. Beliau telah berkhidmat Selama 31 Tahun 6 Bulan di Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

En Mahammad Tajuddin Bin Awang Embong, Bersara pada 4 Jun 2014. Beliau telah berkhidmat selama 30 Tahun 1 Bulan di Majlis Daerah Pengkalan Hulu



*"Teman Yang Banyak Boleh Dilbaratkan Seperti Pasir-Pasir Di Pantai... Tetapi Teman Yang Satu Adalah Mutiara Diantara Pasir-Pasir itu".*

## DESTINASI MENARIK

Meneroka Gua Gendang,  
Pengkalan Hulu, Perak



### GUA GENDANG CAMP

Kem Gua Gendang Merupakan Sebuah Tapak Rekreasi Yang Menawarkan Beberapa Tarikan Semulajadi Sedia Ada untuj Pengunjung Seperti Penerokaan Gua Gendang Dan Gua Itik, Jungle Tracking, Berkuda, Memanah Serta aktiviti Painball.

Untuk Maklumat Lanjut Sila Hubungi :

HISYAM : 019-4139216  
BAHA : 016-4460449  
KHITRA : 019-4740304  
PEJABAT : 04-4310684  
FAX : 04-4310319

Facebook : Gua Gendang  
email : guagendangresort@gmail.com



### D'KROH WATER SPORTS

**JOM BERAMAI-RAMAI BERIADAH BERSAMA KELUARGA**

**AKTIVITI MENARIK :**  
- PADDLE BOAT  
- SWAN PADDLE BOAT  
- KAYAK

Masa Beroperasi :  
- Setiap Hari !0 pagi hingga 7  
Malam Kecuali Jumaat 3  
Hingga 7 Malam

Sebarang Pertanyaan Sila  
Hubungi :  
Tengku Najib : 019-4486464  
Tengku Razman : 019-5920732